



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI

PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1441H/2020M

1. Adakah zakat fitrah akan dilaksanakan pada tahun ini, memandangkan penularan wabak Covid-19 dan pelaksanaan PKP?

Ya, zakat fitrah merupakan kewajipan yang perlu ditunaikan oleh setiap individu Muslim jika mempunyai kemampuan.

2. Jika semua pusat zakat melaksanakan kutipan fitrah pada tahun ini, adakah kaedah pembayaran secara atas talian akan digunakan?

Kesemua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di Malaysia akan mengoptimumkan kaedah pembayaran zakat fitrah secara atas talian bagi memudahkan para pembayar menunaikan kewajipan dengan lebih pantas dan selamat.

Kadar dan kaedah pembayaran zakat fitrah pada tahun 1441H/2020M bagi seluruh negeri di Malaysia adalah sebagaimana berikut:

BIL.	NEGERI	KADAR FITRAH (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Johor	1. 7.00 2. 10.00	1. Bayaran atas talian: i. Zakat Johor Online Payment - Fastpay melalui https://fitrah.maij.gov.my - Pengguna berdaftar melalui https://epayment.maij.gov.my ii. Laman Sesawang Johor Online Payment – https://onlinepayment.johor.gov.my/ ; dan

			iii. Aplikasi SnapNPay
2	Kedah	<ol style="list-style-type: none"> 1. 5.00 2. 7.00 3. 14.00 4. 21.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Laman sesawang Jom Zakat - https://jom.zakatkedah.com.my/; ii. Laman sesawang Asnaf Care - https://asnafcare.com.my/; dan iii. Aplikasi Zakat On Touch (ZOT) - http://bit.ly/zotkdh (Android dan IOS)
3	Kelantan	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00* <p>*(Namun, bayaran fitrah dengan kadar RM14.00 dan RM21.00 berdasarkan harga beras yang dimakan adalah digalakkan)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Financial Process Exchange (FPX) melalui https://zakat.e-maik.my/ ; ii. Laman sesawang ejen-ejen bank (16 bank); iii. QR Code; iv. Aplikasi MyMaik eZakat Payment; dan v. SMS
4	Melaka	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 2. 14.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Laman sesawang izakat.com; dan ii. QRPay Bank Muamalat
5	Negeri Sembilan	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik**; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Portal Pembayaran Zakat melalui www.zakatns2u.biz ; ii. Aplikasi ZakatN9; iii. Aplikasi SnapNPay; dan iv. JomPAY <p>** (keperluan amil hanya diberikan kepada pegawai PBMaINS mengikut keputusan pihak pengurusan)</p>
6	Pahang	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bayaran atas talian FPX melalui https://ezakat.muip.gov.my/zakatfitrah/

7	Perak	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 2. 14.00 3. 21.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. FPX melalui www.maiamp.gov.my; ii. QRPay Maybank; iii. Aplikasi SnapNPay; dan iv. Aplikasi GoPayZ
8	Perlis	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Aplikasi SnapNPay
9	Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 2. 16.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Aplikasi SnapNPay; ii. JomPAY; iii. QR Code; iv. Aplikasi GoPayZ; dan v. FPX
10	Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 2. 14.00 3. 21.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. FPX melalui portal eZakatPay di pautan https://fpx.zakatselangor.com.my/; ii. Aplikasi e-dompot GoPayZ; iii. Aplikasi e-dompot Boost; iv. QR Code; v. Laman sesawang Ejen-Ejen Bank (9 buah bank); vi. Portal MyEG; dan vii. Pos Online
11	Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. 7.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. FPX melalui pautan http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/; dan ii. Aplikasi SnapNPay
12	Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. 6.00 2. 7.50 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Laman sesawang Ejen-Ejen Bank; ii. Portal MyEG; iii. Aplikasi SnapNPay; dan

			iv. JomPAY
13	Sarawak	1. 7.00	1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. Portal Pelanggan TBS (Baitulmal Kamek); ii. Aplikasi Tabung Baitulmal Sarawak; iii. Portal MyEG; iv. Maybank2U; dan v. Aplikasi SnapNPay
14	Wilayah Persekutuan	1. 5.00 2. 7.00	1. Amil fitrah yang dilantik; atau 2. Kaunter PPZ-MAIWP; atau 3. Bayaran atas talian: <ol style="list-style-type: none"> i. melalui portal PPZ fitrah.zakat.com.my; ii. Laman sesawang Ejen-Ejen Bank (14 buah bank); iii. PayHalal; iv. Portal MyEG; v. U-Mobile; dan vi. Pos Online

3. Mengapakah kadar zakat fitrah antara negeri-negeri di Malaysia tidak selaras?

Asal kewajipan zakat fitrah sebagaimana yang dinukilkan dalam perbahasan *fiqh* adalah makanan ruji masyarakat setempat. Di Malaysia, ia dinilai dengan beras yang menyamai sukatan segantang beras. Ringkasnya, perbezaan kadar zakat fitrah adalah disebabkan oleh jenis beras yang menjadi makanan ruji di sesebuah negeri berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pihak MAIN dan AMZ serta maklumat dari pemborong.

4. Terdapat sebahagian negeri yang menetapkan beberapa kadar zakat fitrah. Berapakah nilai sebenar yang perlu dibayar?

Secara umumnya, bayaran yang ditunaikan mengikut kadar harga beras yang dimakan oleh majoriti masyarakat setempat adalah memadai. Walau bagaimanapun, sekiranya sesebuah keluarga atau individu ingin memilih kadar yang lebih tinggi, sepadan dengan jenis beras yang menjadi makanan ruji mereka, maka dalam hal ini Dr Yusuf al-Qaradhawi berpandangan ia adalah dari kerelaan hati dan dianggap sebagai suatu bentuk ketaatan tambahan yang terpuji.

Namun, bagi golongan yang kemampuan ekonominya terjejas disebabkan PKP dan situasi Covid-19 ketika ini, bayaran zakat fitrah boleh ditunaikan berdasarkan kadar minimum yang telah ditetapkan oleh pihak MAIN dan AMZ mengikut kemampuan diri dan keluarga.

Dalam hal ini, para pembayar bolehlah melayari laman media sosial MAIN dan AMZ bagi mendapatkan perincian berhubung kadar bayaran fitrah yang telah ditetapkan.

5. Apakah pilihan kaedah pembayaran bagi mereka yang tidak mahir menggunakan teknologi atau tidak mempunyai capaian internet?

Perkhidmatan pembayaran zakat fitrah melalui amil yang dilantik masih disediakan oleh hampir kesemua MAIN dan AMZ, namun ia akan dilaksanakan pada tahap yang minimum. Mekanisme pelaksanaan ini akan diselaras sewajarnya sesuai dengan PKP yang sedang berkuat kuasa.

Walau bagaimanapun, bagi negeri yang tidak menyediakan perkhidmatan bayaran fitrah melalui amil maka para pembayar perlulah merujuk pihak MAIN dan AMZ selaku pihak berkuasa agama negeri.

6. Seandainya kaedah pembayaran secara manual masih dilaksana, adakah langkah berjaga-jaga masih perlu dilaksanakan?

Ya, segala arahan dan tatacara kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih perlu dilaksanakan.

Lokasi-lokasi pembayaran zakat fitrah yang telah dikenal pasti oleh pihak MAIN dan AMZ adalah bersesuaian dan mengambil kira elemen penjarakan sosial yang selamat. Selain itu, terdapat beberapa mekanisme pelaksanaan yang dicadangkan. Antaranya, bayaran secara pandu lalu (drive thru), kutipan dari rumah ke rumah dan sebagainya. Proses pembayaran juga perlulah diselesaikan dalam tempoh yang singkat.

Selain itu, para pembayar dan amil adalah **DINASIHATKAN** untuk sentiasa menjaga kebersihan, memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman. Para pembayar juga digalakkan untuk menyediakan wang secukupnya, tidak perlu bersalaman ketika membayar zakat dan segera beredar setelah selesai urusan pembayaran.

7. Adakah amil yang memungut zakat perlu patuh pada arahan tersebut?

Ya, setiap amil fitrah yang dilantik adalah tertakluk kepada arahan dan tatacara kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak MKN dan KKM. Mereka juga terikat dengan tatacara yang digariskan oleh pihak MAIN dan AMZ.

8. Jika amil atau pembayar dalam keadaan tidak sihat, adakah mereka dibenarkan untuk keluar bagi mengutip atau menunaikan zakat?

Sekiranya amil atau pembayar berada dalam keadaan kurang sihat, maka mereka **tidak dibenarkan** memungut atau menunaikan zakat fitrah pada waktu itu.

Selain itu, mana-mana individu yang disahkan positif Covid-19 atau baru sembuh Covid-19 atau termasuk dalam kategori Pesakit Dalam Siasatan (PUI) atau *Person Under Surveillance (PUS)* yang ingin menunaikan kewajipan zakat fitrah **hendaklah mewakilkan** pembayaran kepada ahli keluarga atau waris yang sihat.

9. Adakah perkhidmatan kaunter zakat fitrah di tempat tumpuan awam seperti pasar raya masih disediakan?

Tidak. Hal ini adalah selaras dengan arahan PKP yang sedang berkuat kuasa iaitu larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut dan terkini berhubung zakat fitrah 1441H/2020M?

Sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan berkenaan pelaksanaan fitrah 1441H/2020M bolehlah merujuk halaman rasmi media sosial MAIN dan AMZ sebagaimana berikut:

BIL	NEGERI	LAMAN RASMI MEDIA SOSIAL
1	Johor	Majlis Agama Islam Johor https://www.facebook.com/zakatjohor/
2	Kedah	Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman https://www.facebook.com/zakatkedah/
3	Kelantan	Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan https://www.facebook.com/maikkelantanofficial/

4	Melaka	Zakat Melaka https://www.facebook.com/zakatmelaka/
5	Negeri Sembilan	Perbadanan BaitulMal Negeri Sembilan MAINS https://www.facebook.com/perbadananbaitulmalns/
6	Pahang	Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang https://www.facebook.com/muipinfo
7	Perak	Zakat Perak-MAIPk https://www.facebook.com/ZakatNegeriPerak/
8	Perlis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) https://www.facebook.com/MajlisAgamaIslamPerlis/
9	Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang https://www.facebook.com/zakatpenang/
10	Selangor	Lembaga Zakat Selangor https://www.facebook.com/zakatselangor/
11	Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu-Official https://www.facebook.com/maidamterengganu/
12	Sabah	Bahagian Zakat & Fitrah MUIS https://www.facebook.com/bzfmuis/
13	Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak https://www.facebook.com/Tabung-Baitulmal-Sarawak-110233099029503
14	Wilayah Persekutuan	Pusat Pungutan Zakat https://www.facebook.com/myzakat

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI
20 APRIL 2020